

NAMA :

KELAS :



JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011
EXCEL 2**

**BAHASA MELAYU 1103/1
Kertas 1
OGOS 2011**

2 ¼ JAM

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah


Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan sungai di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN SUNGAI



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**

1. Guru merupakan antara insan yang banyak berjasa kepada negara dan jasa mereka wajar diberi penghargaan. Anda ingin menulis esei bertajuk “ Cara-cara Menghargai Jasa Guru” untuk dimuatkan dalam Buletin Khas sempena Perayaan Hari Guru sekolah anda.

Tulis esei tersebut selengkapnya.

2. Kemelesetan ekonomi negara telah memberi kesan kepada kenaikan harga barangan dan peningkatan kadar pengangguran.

Bincangkan peranan keluarga dalam menangani kemelesetan ekonomi negara.

3. Penyertaan masyarakat dalam industri kecil dan sederhana seperti kraftangan, perusahaan makanan ringan dan pembuatan batik dapat membantu meningkatkan ekonomi negara.

Huraikan faedah-faedah industri kecil dan sederhana kepada masyarakat dan negara.

4. Kerjasama antara negara-negara di dunia dapat membantu meningkatkan pembangunan pendidikan.

Jelaskan bentuk-bentuk kerjasama antara negara untuk meningkatkan pembangunan pendidikan di sesebuah negara.

5. Anda telah menonton sebuah filem yang begitu menyentuh perasaan. Anda berhasrat membuat ulasan berkaitan keistimewaan filem tersebut untuk dimuatkan dalam majalah sekolah.

Tulis ulasan anda selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT